

Lawatan Kerja
Tapak Sarawak-
Sabah link

Jelajah
FTROADPEDIA
Zon Timur 2.0

Minggu Pembinaan
Antarabangsa 2019 &
Pelancaran Infrastar

JANUARI - APRIL 2019

BINA ⁰¹

KEMENTERIAN KERJA RAYA



SIAP DI BINA

**TELOK MELANO -
SEMATAN
LEBUHRAYA PAN
BORNEO SARAWAK**

ISSN 2600-8610



9 772600 861008

BERITA

Pembukaan Jajaran Telok Melano – Sematan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak **03**

Lawatan Kerja Ke Tapak Cadangan Jajaran Sarawak-Sabah Link, Lebuhraya Pan Borneo **04**

Penambahbaikan Keselamatan dan Keselesaan Laluan FT51 Kuala Pilah, Negeri Sembilan **05**

R&R Machap Perintis Sistem Solar Fotovolta Yang Menjimatkan Elektrik dan Mesra Alam Sekitar **05**

Tinjauan Penyenggaraan Cerun Jalan Tapah – Cameron Highlands **06**

Projek Menggantikan Jambatan Sedia Ada Di Temerloh, Pahang **06**

Pembukaan 'Overhead Motorcycle Bridge' dan Menaik Taraf Sistem Perparitan Lorong Motosikal Lebuhraya Persekutuan **07**



Penyuraian Trafik Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Hilir **07**

Minggu Pembinaan Antarabangsa 2019 (ICW 2019) dan Pelancaran Infrastar **08**

Anugerah Qlassic Meraikan dan Mengiktiraf Penggiat Industri Cemerlang **08**

96 Kontraktor Menerima Sijil Kontraktor Penyiap **09**

867 Warga Kerja Raya Dirai Pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKR **09**

Jelajah FTROADPEDIA Zon Timur 2.0 **10-11**

Lensa 12-18

MEDIA SOSIAL 19



PEMBUKAAN JAJARAN TELOK MELANO – SEMATAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

TELOK MELANO, 26 JANUARI 2019 - Pembukaan Jajaran Telok Melano – Sematan, Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 33 kilometer ini bakal menyaksikan potensi Kampung Telok Melano dan Kampung Telok Serabang untuk dimajukan sebagai lokasi eko-pelancongan kerana lokasinya yang strategik, berdekatan dengan *Tg. Datu National Park* dan *Samunsan Wildlife Sanctuary*.

Projek Lebuhraya Pan Borneo bagi jajaran Telok Melano – Sematan ini telah dimulakan pada 15 September 2015 dengan melibatkan kos anggaran sebanyak RM 580 juta dan telah siap sepenuhnya mengikut jadual pada 4 Januari 2019 yang lalu. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dititikberatkan dalam pembinaan jajaran ini. Antaranya penggunaan kabel komunikasi dan elektrik bawah tanah, pembinaan struktur jambatan rentangan panjang sebagai laluan haiwan liar serta rekabentuk jalan *single carriageway* untuk meminimumkan kawasan pembinaan berkepadatan tinggi pokok bakau.


Jajaran ini dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak dan YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya.



LAWATAN KERJA KE TAPAK CADANGAN JAJARAN SARAWAK - SABAH LINK, LEBUHRAYA PAN BORNEO

MIRI, SARAWAK, 6 MAC 2019 – Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang mengkaji cadangan Jajaran Sarawak-Sabah Link untuk Lebuhraya Pan Borneo bermula di Long Lama, melalui Long Napir – Long Lopeng – Lawas dan berakhir di Sindumin. Tujuan laluan ini adalah untuk menyediakan akses jalan raya yang menghubungkan kawasan pedalaman Sarawak dari Ulu Baram di Miri ke Limbang dan Long Semado di Lawas tanpa melalui negara Brunei.

Satu lawatan kerja yang diketuai Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian dan Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan (BPP) KKR, Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah telah diadakan untuk meninjau lokasi-lokasi cadangan jajaran Sarawak-Sabah Link. Jajaran Sarawak-Sabah Link ini dijangka akan dimulakan seawal akhir tahun 2019 atau awal tahun 2020 tertakluk kepada hasil kajian perunding yang sedang dilantik.



PENAMBAHBAIKAN KESELAMATAN DAN KESELESAAN LALUAN FT51 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH, 18 APRIL 2019 - Laluan FT51 dari Kampung Sawah Liat ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah telah siap dinaiktaraf bagi melancarkan perjalanan pengguna yang disebabkan oleh jalan yang sempit dan berselekeh. Di samping itu, naiktaraf ini juga bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan (*blackspot*) yang tinggi di kawasan tersebut dengan membaiki geometri jalan yang memenuhi piawai Jalan R5, dua lorong dua hala.



Jajaran jalan ini menjadi laluan penting menyambungkan Negeri Sembilan Barat dan Negeri Sembilan Timur dan secara purata dilalui sebanyak 25,000 unit kenderaan sehari pada hari bekerja (Isnin – Jumaat) dan hampir 29,000 unit kenderaan sehari pada hujung minggu.

Projek ini mula dibina pada 16 November 2015, dan telah siap pada 17 Disember 2018. Projek ini menelan kos sebanyak RM16.8 juta (kos kontrak) dan diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan. Skop terlibat adalah menaiktaraf jalan sepanjang 1.5 kilometer, menaiktaraf bahu jalan, pembinaan dua buah *box culvert*, pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan juga pengalihan sungai.



R&R MACHAP PERINTIS SISTEM SOLAR FOTOVOLTA - MENJIMATKAN ELEKTRIK DAN MESRA ALAM SEKITAR

MACHAP, 25 APRIL 2019 - Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Machap Arah Utara di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) menjadi perintis sebagai hentian pertama yang menggunakan Sistem Solar Fotovolta yang mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik selain menjadi inisiatif memperluaskan Agenda Hijau Negara. Hentian rehat ini dipilih kerana iamerupakan antara R&R yang mencatat penggunaan tenaga elektrik yang tinggi.

Sejak menggunakan sistem solar ini pada bulan Oktober 2018, ia berjaya mencatat penjimatan tenaga elektrik sebanyak 51%. Selain itu, sistem ini juga telah mencatatkan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 77 metrik ton. Panel solar ini telah dipasang di beberapa bahagian bangunan hentian ini dengan jumlah keseluruhan berkapasiti sebanyak 182 kilowattpeak. PLUS melabur kira-kira RM700,000 untuk membangunkan teknologi tenaga alternatif ini.

TINJAUAN PENYENGGARAAN CERUN JALAN TAPAH – CAMERON HIGHLANDS



TAPAH, 18 JANUARI 2019 - Keselamatan pengguna jalanraya yang melalui kawasan cerun adalah antara tanggungjawab Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan memastikan penyelenggaraan cerun dilaksanakan di sepanjang Jalan Persekutuan di seluruh negara.

Justeru, YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya telah meninjau ke beberapa lokasi penyelenggaraan cerun di Jalan Tapah, Perak – Cameron Highlands, Pahang. Bagi tahun 2019, sebanyak 10 lokasi penyelenggaraan cerun secara kerja pembaikan (*corrective works*) dan 59 lokasi secara kerja

pencegahan (*preventive works*) telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dengan jumlah anggaran kos sebanyak RM 19.4 juta di Jalan Tapah – Cameron Highlands ini.

Di samping itu, bagi mengurangkan risiko kejadian runtuh cerun, KKR turut melaksanakan kerja-kerja penilaian dan pemetaan tahap bahaya dan risiko cerun melalui pengumpulan data dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini seperti teknologi LIDAR (*'Light Detection and Ranging'*) serta pembangunan Sistem Amaran Awal dan Masa Nyata / *Early Warning System (EWS)*. Melalui teknologi ini, amaran awal dapat disebarkan untuk keselamatan pengguna jalan raya di kawasan terlibat.

PROJEK MENGGANTIKAN JAMBATAN SEDIA ADA DI TEMERLOH, PAHANG

TEMERLOH, 17 JANUARI 2019 - Dua projek menggantikan jambatan di kawasan Temerloh, Pahang dengan piawaian R5 telah siap pembinaanya dan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd. Tahir.

Pembinaan jambatan ini bertujuan bagi menggantikan jambatan sedia ada yang telah lama dibina iaitu Jambatan Sungai Semantan pada tahun 1960 dan Jambatan Sungai Kawang pada tahun 1955 yang tidak lagi sesuai dengan isipadu trafik pada masa kini. Selain itu ia berupaya meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna disamping melancarkan aliran trafik di sekitar Temerloh.

Projek menggantikan jambatan Sungai Semantan mula dibina pada 1 Ogos 2016 dan telah siap pada 15 Januari 2019 dengan kos sebanyak RM15.6 juta. Projek menggantikan jambatan Sungai Kawang sepanjang 40 meter pulamula dibina pada 1 September 2016 dan siap pada 31 Ogos 2018 dengan kos RM8.9 juta.



PEMBUKAAN 'OVERHEAD MOTORCYCLE BRIDGE' DAN MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN LORONG MOTOSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

PETALING, 29 JANUARI 2019 - Para pengguna lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan FT2 kini menikmati penunggangan lebih selamat dan selesa setelah 'Overhead Motorcycle Bridge' di kedua-dua arah berdekatan Jalan 222, Petaling Jaya, Selangor mula dibuka kepada umum.

Pembinaan jambatan ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku di terowong, iaitu di Jalan 222 menghala ke Kuala Lumpur dan di Jalan Templer menghala ke Klang. Projek Menaiktaraf ini dibawah seliaan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dengan kos kontrak yang telah diperuntukan di dalam bajet 2017 sebanyak RM29 juta.

Kerja-kerja penaiktarafan bermula pada Jun 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 2 Januari 2019 dan turut melibatkan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran, membaikpulih turapan jalan, transformasi tiga (3) buah terowong, kerja-kerja elektrik dan lampu jalan. Perasmiannya telah disempurnakan YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya.



PENYURAIAN TRAFIK JALAN AYER KEROH KE BANDAR HILIR

AYER KEROH, 4 MAC 2019 - Kelancaran trafik di sepanjang jalan di Ayer Keroh, Melaka mendapat perhatian apabila Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Hilir (Fasa 1 : Pembinaan Persimpangan Peringgit dan MITC) dilaksanakan. Projek ini bertujuan menyuraikan kepadatan trafik di kawasan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, Hang Tuah Jaya, hub industri perkilangan dan kawasan pelancongan sekitar Ayer Keroh.



Projek ini mula dibina pada 17 Mac 2014 dan telah siap pada 11 Februari 2019 dengan kos sebanyak RM286 juta (kos kontrak) dan direkabentuk perunding yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini adalah membina dua persimpangan melibatkan jalan sepanjang 2.7 kilometer. Perasmiannya telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Adly bin Zahari dan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Hj. Anuar bin Mohd Tahir.

MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2019 (ICW 2019) DAN PELANCARAN INFRASTAR

KUALA LUMPUR, 19 MAC 2019 - Minggu Pembinaan Antarabangsa 2019 (ICW 2019) dengan tema "Construction Beyond 2020" telah diadakan bertujuan menumpukan usaha mentransformasi sektor industri binaan melalui teknologi dan inovasi sejajar kehendak dan perkembangan industri global.

Program yang berlangsung pada 18 hingga 21 Mac 2019 ini merupakan acara tahunan ke-19 yang dianjurkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan dilancarkan Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

Turut dilancarkan adalah penarafan infrastruktur mampan (INFRASTAR), iaitu sistem yang melaksanakan penarafan bagi mengukur tahap kemampuhan setiap projek infrastruktur di Malaysia. ICW 2019 buat pertama kalinya dianjurkan bersama pameran perdagangan, ASEAN Super 8 yang menampilkan pameran perdagangan pembinaan mega dan juga penyertaan 20 syarikat daripada tujuh negara untuk sesi suaiapadan perniagaan antarabangsa.



KUALA LUMPUR, 21 MAC 2019 - QCLASSIC Day 2019 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah diadakan bagi meraikan dan mengiktiraf penggiat industri yang telah mencapai prestasi yang memberangsangkan di dalam penilaian kualiti QCLASSIC.

QCLASSIC adalah singkatan kepada *Quality Assessment System for Building in Construction Works* atau Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan dan mula diperkenalkan pada tahun 2007 sepertimana yang digariskan di dalam *Construction Industry Standard C.I.S 7:2014*.

Seramai 15 pemaju atau pemilik projek, 17 kontraktor dan 18 arkitek telah menerima pengiktirafan *QCLASSIC Achievement Award* untuk 20 projek pembinaan bangunan yang dinilai pada tahun 2018. Penyampaian anugerah QCLASSIC telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian.

96 KONTRAKTOR MENERIMA SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP

KUALA LUMPUR, 2 APRIL 2019 - Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah menyampaikan Sijil Kontraktor Penyiap kepada 96 kontraktor penyiap iaitu kontraktor yang berpeluang menyertai pelawaan perolehan secara tender terbuka bagi Projek - projek Sakit oleh semua Agensi Kerajaan.

Majlis ini merupakan majlis penyampaian sijil siri kedua, yang mana sebelum ini, majlis yang serupa telah diadakan pada 27 Mac 2018 semasa Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week - ICW*) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sewaktu Pra Kelayakan yang dibuka bermula pada 23 Mei 2018 hingga 28 Julai 2018 sebanyak 301 kontraktor telah disaring dan dinilai melalui tiga (3) peringkat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Hasilnya, 96 kontraktor penyiap telah berjaya dan menerima pengiktirafan.



867 WARGA KERJA RAYA DIRAI PADA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KKR

KUALA LUMPUR, 30 APRIL 2019 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya 2018 telah diadakan dengan sejumlah 867 orang warga Kementerian dan Agensi di bawahnya telah diraikan. Pecahan penerima adalah seperti berikut, Kementerian Kerja Raya seramai 57 orang, Jabatan Kerja Raya (JKR) 699 orang, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 28 orang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) 83 orang.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kualiti / kuantiti sumbangan

warga Kementerian dan Agensi yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan daya tarikan kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Pemilihan penerima APC dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu Pencapaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% dan ke atas. Majlis yang bertemakan 'Mengupaya Potensi, Memperkasa Organisasi' ini dirasmikan oleh YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya yang turut menyampaikan anugerah kepada warga Kerja Raya.



JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 2.0

Siri Jelajah FTRoadPedia Zon Timur 2.0 tahun 2019 berlangsung selama tiga hari bermula pada 14hb hingga 16hb Februari 2019. Rombongan siri jelajah ini menjelajah Jalan Persekutuan di tiga buah negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu bermula dari Kompleks Kementerian Kerja Raya dengan jumlah jarak sepanjang 1100 kilometer.

Pasukan jelajah seramai seratus orang delegasi ini diketuai oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan disertai pengurusan tertinggi Kementerian, Rakan KKR dan pihak media. Matlamat dan objektif FTRoadPedia adalah memberi nafas baharu dan persektif positif jalan persekutuan selain menonjolkan jalan persekutuan sebagai jalan utama dan menikmati sosio budaya setempat bertemakan "Cipta Detik Indah Bersama".

HARI
01

14 FEBRUARI 2019

KUALA LUMPUR - KELANTAN

- Lawatan kerja ke Jambatan Sungai Yu atau Sungai Yu Eco Bridge (Jalan Persekutuan FT08), sebahagian daripada Projek Central Spine Road (CSR). Jambatan Eco-Viaduct terpanjang di Malaysia untuk laluan hidupan liar sepanjang 1,302 meter (melibatkan 3 buah jambatan) dengan kos bernilai RM61.54 juta. Dimulakan pada 18 Oktober 2010 dan siap pada 17 April 2013.



HARI
02

15 FEBRUARI 2019

KELANTAN - TERENGGANU - PAHANG

- Lawatan kerja Projek Membina Flyover Bulatan Wakaf Bharu, Kelantan dengan panjang keseluruhan 1.56 kilometer (km). Projek ini dimulakan pada 19 Februari 2018 dan dijadualkan siap pada 18 Ogos 2021 dengan Kos Pembinaan sebanyak RM99,564,800.00.
- Tujuan naiktaraf ini adalah menyediakan aliran trafik lebih lancar dari arah Kota Bharu – Pengkalan Kubor dan sebaliknya, di samping menyediakan kemudahan jalan yang lebih selesa dan selamat.
- Lawatan kerja ke Projek Mahkamah Kota Bharu, Kelantan (Reka dan Bina) yang dilaksanakan menggunakan kaedah IBS dan akan mempunyai 3 Mahkamah Tinggi, 5 Mahkamah Sesyen dan 5 Mahkamah Majistret.
- Objektif pembinaannya adalah untuk mewujudkan ruang kerja yang lebih kondusif sekaligus menyumbang kepada penawaran perkhidmatan yang efisien seterusnya bakal meningkatkan produktiviti bagi penyelesaian kes.
- Kos Kontrak adalah RM96,730,888.88 dan dimulakan pada 2 Jun 2016 dan dijangka siap pada 1 April 2020.
- Tinjauan ke Projek Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai, Kelantan, Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok. Pakej ini dimulakan pada 7 April 2014 dan berjaya disiapkan pada 21 Julai 2018 dengan kos pembinaan sebanyak RM217.5 juta. Projek ini merupakan laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat bagi pengguna yang ingin menuju ke Kuala Krai apabila siap sepenuhnya kelak.





- Lawatan kerja Jajaran Projek Central Spine Road (CSR) Seksyen 3E1 dari Mentara ke Merapoh. Seksyen 3E1 telah dimulakan pada 19 September 2016 dan dijadualkan siap pada 15 September 2019 dengan kos pembinaan sebanyak RM101.5 juta.
- Projek Central Spine Road dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.25km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35km dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang dan 5.78km dari Kampung Asap ke Kampung Sertik telah pun siap pembinaan.



- Lawatan kerja meninjau dua tapak kajian inovasi bahan turapan jalan raya iaitu asphalt yang dicampur dengan sisa plastik dan getah asli latex di Jalan Persekutuan FT3 di Chukai, Kemaman, Terengganu dan FT98 di Kerdau, Temerloh, Pahang.



- Dilaksanakan oleh Makmal Penyelidikan Jalan, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE).
- Bagi tapak kajian di Kemaman, terdapat tiga jenis bahan turapan dibuat iaitu asphalt bercampur sisa plastik (waste plastic asphalt), getah asli latex (latex asphalt) dan juga getah asli latex (latex mastic asphalt). Kesemua turapan ini siap dilaksanakan pada Oktober 2018 dan hasil kajian dijangka dapat dirumuskan selepas dua tahun pemantauan di tapak.
- Manakala tapak kajian di Temerloh pula merupakan turapan yang pertama yang dicampur sisa plastik (waste plastic asphalt) di Malaysia. Turapan yang dicampur getah asli latex (latex asphalt) turut dilakukan di tapak ini. Kedua-dua turapan ini siap dilaksanakan pada September 2017. Hasil kajian dijangka dapat dirumuskan selepas dua tahun pemantauan di tapak.
- Bahan turapan jalan iaitu asphalt, dengan campuran sisa plastik dikatakan lebih berdaya tahan dari asphalt konvensional. Getah asli latex pula dikatakan akan dapat merubah dan menambah baik ciri-ciri bitumen yang akan menjadi lebih elastic ketika terdedah pada cuaca panas dan tidak mudah berubah bentuk apabila ditekan oleh beban trafik yang tinggi.

YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya memenuhi undangan RTM sebagai tetamu Program Bicara Politikonomi yang disiarkan di TV1



WISMA TV RTM, ANGKASAPURI
KUALA LUMPUR



2 JANUARI 2019



Menteri Kerja Raya menjadi tetamu Program Juh! Bincang dengan topik "Pelan Pembangunan dan Jajaran Sarawak", disiarkan secara langsung di saluran 109, TV OKEY



BANGUNAN RTM KUCHING,
SARAWAK



7 FEBRUARI
2019



Pejabat Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan (CIDB) Sarawak, Cawangan Sibu dibuka dan dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya merupakan cawangan ke 4 di Sarawak selepas Kuching, Miri dan Bintulu.



PEJABAT CIDB CAWANGAN
SIBU, SARAWAK



23 MAC 2019



Lawatan Kerja penambahbaikan secara berfasa Jalan Persekutuan FT50 melibatkan pembinaan median dan pusingan U kerana kapasiti pengguna yang semakin bertambah.



JALAN PERSEKUTUAN FT50
BATU PAHAT – AYER HITAM –
KLUANG, JOHOR



25 APRIL 2019



Menteri Kerja Raya diberi taklimat berkaitan pelaksanaan operasi dan penyenggaraan lebuh raya, aspek pengurusan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS) oleh pihak LLM, PLUS dan Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB)



PEJABAT LEMBAGA
LEBUHRAYA MALAYSIA
(LLM) WILAYAH UTARA,
PULAU PINANG



4 JANUARI 2019



Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya bersempena Tahun Baru Cina 2019 bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna lebuh raya anjuran Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)



PLAZA TOL GOMBAK,
LEBUHRAYA KUALA
LUMPUR-KARAK



29 JANUARI 2019



Pelancaran MS 2701: 2018 *Civil Engineering Standard Method Of Measurement (MSCESMM)* bertujuan menggalakkan amalan terbaik dalam penyeragaman pengukuran dan penyediaan kuantiti kerja-kerja kejuruteraan sivil melalui penggunaan satu standard yang bertaraf antarabangsa. Kerjasama antara CIDB dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM)



KOTA KINABALU, SABAH



8 JANUARI 2019



Pelancaran program IMPACT, sistem bersifat holistik yang memberikan Verifikasi, Validasi, Pengujian dan Pensijilan produk dan komponen berkenaan dengan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk dipersijilkan mengikut standard yang ditetapkan oleh CIDB.



KUALA LUMPUR



17 JANUARI 2019

Persidangan Pegawai Kanan (SOC) Jabatan Kerja Raya (JKR) Tahun 2019 bertemakan "JKR; Peneraju Infrastruktur Negara" dihadiri 400 orang pegawai berkongsi ilmu dan pengalaman demi meningkatkan kecemerlangan penyampaian projek



HOTEL EQUATORIAL, PULAU PINANG



9-11 MAC 2019



KKR, JKR dan *World Road Association (PIARC)* dengan kerjasama *Road Engineering Association Malaysia (REAM)* telah menganjurkan Seminar Antarabangsa PIARC bertemakan “*Towards Advanced Technology and Material in Bridge Engineering*”. Seminar dihadiri lebih 300 profesional daripada 16 negara yang terdiri daripada para pegawai kanan sektor awam, pakar dan pemain industri dalam bidang kejuruteraan jambatan.



KUALA LUMPUR



1 APRIL 2019



Timbalan Menteri Kerja Raya dan YB Tuan Abdul Yunus Jamhari, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian Dan Perladangan Perak meninjau kemajuan kerja pembinaan projek lebuh raya WCE Seksyen 8 (Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan).



PLAZA TOL HUTAN MELINTANG, LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE), PERAK DARUL RIDZUAN



21 FEBRUARI 2019



Tinjauan kerja penyenggaraan jalan persekutuan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya di tiga lokasi daerah Temerloh, Pahang melibatkan kos anggaran sebanyak RM1.78 juta.



TEMERLOH, PAHANG



29 MAC 2019



Majlis Pelancaran *Road to World Skills Competition (WSC) Kazan 2019 Gold* yang dijadualkan berlangsung pada 16 hingga 26 Ogos 2019 melibatkan 20 orang peserta anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM).



RUANG LEGAR ARAS 2, STESEN
KL SENTRAL, KUALA LUMPUR



16 APRIL 2019



DEWAN TAN SRI MAHFOZ,
KOMPLEKS KERJA RAYA



12 FEBRUARI
2019

Ucuptama YB Timbalan Menteri Kerja Raya di Perhimpunan Bulanan KKR yang menekankan kepada peningkatan produktiviti dan inovasi dalam industri pembinaan melalui penggunaan teknologi selari dengan slogan "*Digitalising the Construction Industry*" dan perkembangan Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0.



Lawatan kerja Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Bakar ke Pusat myBIM, sebuah fasiliti berteknologi tinggi bagi *Building Information Modelling (BIM)* dan Bahagian Operasi Setempat (BOS) CIDB yang berperanan menyemak dan meluluskan permohonan yang diterima secara atas talian melalui *Centralised Information Management System (CIMS)*.



PUSAT MYBIM, CIDB
KUALA LUMPUR



11 FEBRUARI 2019



Hari Permodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling - BIM*) atau BIM Day bertemakan "*Digitalising Construction Together*", diadakan bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa 2019 (ICW 2019) bertujuan menggalakkan penggunaan dan aplikasi teknologi dalam sektor pembinaan.



HOTEL SUNWAY PUTRA,
KUALA LUMPUR



20 MAC 2019

Ketua Setiausaha KKR meninjau dua lokasi tapak projek Lebuhraya SUKE iaitu di Bukit Teratai dan Casting Yard Pakej CA4 dibawah seliaan konsesi Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) dan bakal memberi manfaat kepada hampir 18,000 pengguna kenderaan setiap hari serta dijangka siap pada tahun 2020.



LEBUHRAYA SUNGAI BESI-
ULU KELANG (SUKÉ),
SELANGOR



10 APRIL 2019



Program "*Well For Life*", satu program kesihatan bagi menggalakkan warga Kementerian mengamalkan cara hidup yang lebih sihat dengan pengisian seperti Sesi Forum dan pemeriksaan kesihatan secara percuma anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KKR



DEWAN TAN SRI MAHFOZ,
KOMPLEKS KERJA RAYA



12 APRIL 2019

Program Bicara KSU, iaitu program bicara dua hala Ketua Setiausaha KKR bersama Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (P&P) memberi peluang berbincang dan bertukar-tukar pendapat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam segala aspek yang telah dipertanggungjawabkan.



BILIK TANJUNG, KOMPLEKS
KERJA RAYA



20 FEBRUARI
2019



Seramai 300 orang yang terdiri daripada kumpulan sokongan dan pelaksana warga Kerja Raya hadir majlis bicara bersama Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Pengurusan (TKSUP) KKR sebagai sesi hubung jalin dalam sesuatu organisasi.



DEWAN TAN SRI MAHFOZ,
KOMPLEKS KERJA RAYA



25 JANUARI 2019

Audit Dalaman EKSA Siri 1/2019 dan Pertandingan Mini EKSA KKR berlangsung selama dua hari dengan mengambil kira persekitaran tempat kerja yang sistematik, selesa dan kondusif. Pertandingan Mini EKSA KKR melibatkan empat (4) kategori iaitu Kategori Zon Terbaik, Stor Terbaik, Go Green Terbaik dan Ketua Zon Terbaik.



KOMPLEKS KERJA RAYA,
KUALA LUMPUR



26-27 MAC 2019



TWITTER

Tweet impressions	New followers
450K	87

Jan 2019 - 31 days

TWEET HIGHLIGHTS

Top Follower followed by 158K people

JAN 2019 SUMMARY

Tweet impressions	New followers
450K	87

@CikStrawberi FOLLOWS YOU

Feb 2019 - 28 days

TWEET HIGHLIGHTS

Top Tweet earned 4,566 impressions

Timbalan Menteri Kerja Raya tiba di Majlis Perasmian Geotropika - Ichitra UTM pagi ini. @JKRMalaysia @CIDBMALAYSIA1 @LLMrasmi @LLMinfotrafik @HJAnuarTahir pic.twitter.com/JEF5tgWqsh

Top mention earned 337 engagements

JDHS @JDHS54321 Feb 27

Majlis penyerahan Projek Menggantikan Jamb. Sediaada FT055 (Sg. Kumbang). Hulu Selangor. Diserahkan kepada Kem. Kerja Raya diwakili oleh YBhg. Dato' Zahrul Hakim B. Abdullah. Capai penyerahan 3 dalam 1. @RoslanMdTaha @RuslanAbdAziz @MOWorks @JKRMalaysia @JKRSelangor @Zulakmal8 pic.twitter.com/syaC1bYwU

FEB 2019 SUMMARY

Tweets	Tweet impressions
2	377K
Profile visits	Mentions
165	29
New followers	
17	

Tweets	Tweet impressions
2	377K
Profile visits	Mentions
165	29
New followers	
17	

Mar 2019 - 31 days

TWEET HIGHLIGHTS

Top Tweet earned 6,837 impressions

Jasa dikenang, budi disanjung. Jutaan penghargaan dilucapkan kpd Ybhg Dato' Sri Ir Dr @RoslanMdTaha atas jasa sbg KPKR @JKRMalaysia bermula pada 2016. Selamat bersara. Jasa baik Dato' Sri akan dikenang sepanjang zaman. @LLMinfotrafik @CIDBMALAYSIA1 pic.twitter.com/i671tmesir

Top mention earned 1,575 engagements

JKR Gombak @JKRGombak Feb 28

Pemeriksaan bilik ke bilik bersama KKM, JKR & Kontraktor bg melancarkan proses penyerahan KK3 Gombak Setia kelak. @MOWorks @KKMPutrajaya @JKRMalaysia @JKRSelangor pic.twitter.com/VFS34BTm9R

MAR 2019 SUMMARY

Tweets	Tweet impressions
281	335K
Profile visits	Mentions
4,989	1,215
New followers	
57	

Tweets	Tweet impressions
281	335K
Profile visits	Mentions
4,989	1,215
New followers	
57	



Tweets	Tweet impressions
146	291K
Profile visits	Mentions
4,224	956
New followers	
314	

Apr 2019 - 30 days

TWEET HIGHLIGHTS

Top Tweet earned 7,616 impressions

Kerajaan mengalu-alukan pihak swasta utk memberikan lebih byk peluang kepada kontraktor bumiputera utk turut serta dim projek yg akan dilaksanakan @baru_bian @JKRMalaysia @LLMrasmi @CIDBMALAYSIA1 @LLMinfotrafik pic.twitter.com/Lzd782alyW

Top mention earned 906 engagements

JKR Malaysia @JKRMalaysia Apr 25

Tahniah diucapkan kpd YBrs. Ir. Zulakmal b. Suffian @Zulakmal8 di atas pelantikan sbg TKP Sektor Infra @JKRMalaysia mulai 25 April 2019. @MOWorks @KsuMoworks @tkpinfra @RakanKKR @CIDBMALAYSIA1 @LLMrasmi pic.twitter.com/3tbrReG47n

APR 2019 SUMMARY

Tweets	Tweet impressions
146	291K
Profile visits	Mentions
4,224	956
New followers	
314	

Top Follower followed by 9,860 people

Baru Bian @baru_bian FOLLOWS YOU

Penaung

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin B. Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha KKR

Penasihat

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan) KKR

Ketua Pengarang

Wan Ahmad Nizam Wan Abdul Latif
Ketua Hal Ehwal Korporat

Pengarang

Fauzi Baharudin
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman
Nurfarahain Rozaman
Nasharudin Zainal

Jurufoto

Mohd Faisal Bin Sahbudin
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya